

Dr M beri ceramah di Universiti L&don

BH - 8 SEP 2003

JELI: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijemput menyampaikan ucapan mengenai Islam dan pembangunan semula umat Islam di Universiti London pada 22 September.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, berkata jemputan itu dibuat oleh School of Oriental and African Studies, universiti berkenaan.

Antara tetamu pada majlis itu nanti ialah intelektual, pemikir politik, pemikir Islam dan ahli sosiologi di England, katanya selepas menyampaikan ucap tama pada Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari peringkat negeri di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Panas di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, Dr Mahathir akan diiringi beberapa tokoh agama Islam dari Malaysia pada majlis itu.

Beliau berkata pada 23 September, Dr Mahathir akan melancarkan *Encyclopedia of Dr Mahathir Mohamad* di Universiti Oxford, England yang diterbitkan oleh Darul Fikri, sebuah syarikat penerbitan terkenal dari Mesir.

Katanya, segala karangan dan pemiklran Dr Mahathir dimasukkan dalam ensaiklopedia itu yang diterbitkan dalam bahasa Arab dan Inggeris. Ia juga akan diterbitkan dalam bahasa Sepanyol, Perancis dan Bahasa Melayu.

Abdul Hamid berkata, syarikat itu menerbitkan ensaiklopedia berkenaan kerana kagum dengan pemikiran dan kebolehan Dr Mahathir.